

Tiga beranak nyaris maut rumah runtuh ke dalam paya

SUNGAI PETANI 23 Julai - Tiga sekeluarga nyaris maut apabila rumah yang didiami mereka runtuh di Kampung Tebu, Pekan Lama, dekat sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 petang itu, mangsa, **Rosnani Baharom**, 51, bersama dua anaknya berjaya menyelamatkan diri sebelum rumah berkenaan runtuh ke dalam paya berdekatan.

Menurut Rosnani, ketika kejadian dia sedang masak di dapur sebelum berasa gegaran lantas mendapatkan dua anaknya.

"Setelah menyedari rumah mula bergoyang, saya terus lari keluar menyelamatkan diri bersama anak-anak," katanya.

Rosnani berkata, banyak barangan termasuk peti sejuk dan



Setelah menyedari rumah mula bergoyang, saya terus lari keluar menyelamatkan diri bersama anak-anak."

ROSNANI BAHAROM
Mangsa

perabot rosak dengan kerugian dianggarkan melebihi RM5,000.

Tambahnya, rumah itu terletak di tepi sungai yang sering mendatangkan kebimbangan kepada mereka terutama ketika hujan lebat.

"Saya pun tidak tahu hendak tinggal di mana lagi selepas ini, mahu baiki semula rumah ini tentu memerlukan wang yang banyak," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Petani, **Rosdi Ismail** memberitahu, kira-kira 10 anggotanya bergegas ke tempat kejadian setelah menerima panggilan tentang kejadian rumah runtuh di kawasan berkenaan.

"Sebaik sahaja tiba di tempat tersebut kami mendapati beberapa batang tiang lama telah patah.

"Kami difahamkan rumah yang terletak di kawasan paya itu telah diduduki oleh keluarga berkenaan kira-kira 11 tahun lalu," katanya.



DUA anggota bomba dan penyelamat menjalankan siasatan setelah sebuah rumah runtuh di Kampung Tebu, Pekan Lama, Sungai Petani, Kedah, semalam.